

NO SOALAN :38**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 01.11.2017**

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendapatan per kapita Malaysia dalam mata wang USD setiap tahun mulai tahun 2009-2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara tahun 2009 hingga tahun 2016, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita telah meningkat sebanyak 30.5 peratus dan pada tahun 2016 PNK per kapita Malaysia meningkat kepada RM37,758 atau bersamaan USD9,850. Berdasarkan sasaran pendapatan tinggi mengikut perkiraan Bank Dunia iaitu USD12,236, kita telah mengurangkan jurang ke sasaran pendapatan tinggi daripada 38

peratus kepada 19 peratus. Ini jelas membuktikan Kerajaan telah melaksanakan dasar secara konsisten menerusi Model Baharu Ekonomi sejak 2010, sehingga berupaya mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan.

2. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan kesemua sektor ekonomi sentiasa berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat domestik dan global bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh. Ini termasuklah mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan, mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan minyak dan gas, menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan dan produktiviti serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang menggalakkan dalam tempoh separuh pertama 2017, Kerajaan yakin ekonomi negara pada tahun 2017 akan terus berada di landasan pertumbuhan yang mapan dengan unjuran bertumbuhan antara 5.2% hingga 5.7%. Begitu juga bagi tahun 2018, di mana ekonomi negara akan terus berkembang kukuh antara 5% hingga 5.5% disokong oleh prospek ekonomi dunia yang lebih baik dan pelbagai inisiatif yang telah dan akan terus

dilaksanakan oleh Kerajaan.